

U B209 DEB
MAHATHIR - PERUTUSAN 1985
EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 8.30 MALAM INI

KUALA LUMPUR, 18 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGAJAK SELURUH UMAT ISLAM YANG BERSENGKETA SUPAYA INSAF, BERSYUKUR DAN KEMBALI KEPADA SEMANGAT PERSAUDARAAN YANG DITUNTUT OLEH ISLAM.

KATANYA, JIKA KURANG BERSYUKUR, AKAN TIMBUL SIFAT BONGKAK YANG AKAN MEMBAWA KEMUSNAHAN KEPADA TAMADUN ATAU KEUTUHAN SESUATU MASYARAKAT.

DALAM PERUTUSAN HARI RAYA ADILFITRI MELALUI RTM KE SELURH NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA, TINDAKAN MENGUTAMAKAN HAWA NAFSU SELALUNYA MENCETUSKAN PERPECAHAN.

BELIAU BERKATA, RASULLULLAH PERNAH BERSABDA, +SESUNGGUHNYA KEBINASAAN YANG DITIMBULKAN OLEH PERSENGKETAAN ITU ADALAH LAKSANA MENGHANCUR-LEBURKAN UMAT ITU SENDIRI.+

SERENTAK DENGAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU SELURUH RAKYAT MALAYSIA TERUTAMANYA UMAT ISLAM MEWUJUDKAN SATU + MASYARAKAT YANG BERSYUKUR+. -- LAGI

1449MST 19 06 85

D720

U B210 REPEAT DEB

MAHATHIR - PERUTUSAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+ KITA BERSYUKUR KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA KESIHATAN YANG DIKURNIAKAN UNTUK MENUNAIKAN IBADAT PUASA SELAMA SEBULAN, + KATANYA.

BELIAU MENAMBAH KATA, +KITA BERSYUKUR KERANA KITA DIBERI REZEKI BAGI MENAMPUNG DIRI DAN KELUARGA, KERANA NEGARA AMAN DAN DAMAI, KERANA TIDAK DITIMPA BENCANA YANG MEMUSNAHKAN HARTA DAN NYAWA= DAN ATAS SEGALA NIKMAT.

BAGAIMANAPUN KATANYA, TERDAPAT MEREKA YANG BUKAN SAHAJA TIDAK CUBA MENGHITUNG AKAN NIKMAT-NIMAT ITU, TETAPI KERAP MELUPAKANNYA SAMA SEKALI.

PERASAAN SYUKUR AKAN MENJADIKAN SESEORANG MUSLIMIN DAN MUSLIMAT INSAF, BERTAKWA DAN KUAT BERPEGANG KEPADA LUNAS-LUNAS YANG Diredhai OLEH ALLAH SUBHANAHU WATAALA, TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA TERDAPAT SEBILANGAN KECIL RAKYAT YANG TIDAK MENGINSAFI PERI PENTINGNYA KEAMANAN, KESTABILAN DAN KETENTERAMAN.

-- LAGI

1504MST 19 06 85

D715

U B211 DEB

MAHATHIR - PERUTUSAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MEREKA TIDAK BERSYUKUR ATAS APA YANG DIPEROLEHI DAN USAHA PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN NEGARA, TAMBAHNYA.

SEBALIKNYA, TEGAS BELIAU, MEREKA SENGAJA MEMECAH-BELAHKAN MASYARAKAT DENGAN MEMBESAR-BESARKAN PERKARA KECIL DAN BERTINDAK MELULU TANPA MEMPERDULIKAN GEJALA YANG AKAN TIMBUL.

+ SEMPENA HARI YANG MULIA INI, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA BERSYUKUR, BUKAN SAHAJA DENGAN TAKBIR DAN TAHMID, TETAPI JUGA DENGAN MERENUNG SEJENAK AKAN PEMBERIAN ALLAH YANG KITA NIKMATI SEPANJANG HARI, BULAN, TAHUN BAHKAN SEPANJANG MASA, + KATANYA.

DENGAN MERENUNG, RAKYAT DAPAT MEMBANDINGKAN KEADAAN NEGARA INI DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG DILANDA MALAPETAKA SEPERTI BANJIR ANGIN TAUFAN, KEMARAU PANJANG, KEBULURAN DAN PENYAKIT GANJIL.

SELAIN ITU, TERDAPAT JUGA MASYARAKAT YANG BERPERANG, SAMA ADA DENGAN NEGARA LAIN ATAU BERBUNUHAN SESAMA SAUDARA SENDIRI, UJARNYA.

-- LAGI

D716

U B212 DEB

MAHATHIR - PERUTUSAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

AMATLAH SIA-SIA PEMBUNUHAN ANTARA ORANG-ORANG ISLAM DI ASIA BARAT, YANG TIDAK DIASASKAN UNTUK MEMPERTAHANKAN ISLAM TETAPI SEMATA-SEMATA KERANA DENDAM YANG TIDAK TERKAWAL, TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN, DALAM KEADAAN DEMIKIAN, MEREKA BUKAN SAHAJA SEDIH DENGAN KEHILANGAN, KEROSAKAN DAN KECEDEeraan TETAPI TIDAK DAPAT MENUNAIKAN IBADAT DENGAN TENTERAM DAN KHUSYUK.

SEBALIKNYA, RAKYAT DI MALAYSIA SANGAT BERTUAH KERANA TIDAK MENGALAMI BENCANA DAN KESENGSARAAN ITU DAN TARAF KEMISKINAN DI NEGARA INI TIDAK MEMBAWA KEPADA KEBULURAN.

KATAYA, RAKYAT NEGARA INI BEBAS BERIBADAT DENGAN DISEDIAKAN TEMPAT-TEMPAT IBADAT YANG SEMAKIN BERTAMBAH DAN SELESA.

BELIAU MENAMBAH KATA, KERAJAAN BERSYUKUR KERANA MAJORITI RAKYAT DAN UMMAH DI NEGARA INI SEDAR TENTANG PERPADUAN SEBAGAI ASAS MENCAPAI KEMAJUAN DI DUNIA DAN AKHIRAT. -- LAGI

1458MST 19 06 85

D717

U B214 DEB

MAHATHIR - PERUTUSAN 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENURUTNYA, KERAJAAN TETAP BERUSAHA MENJAMIN KEBEBASAN BERIBADAT BAGI RAKYAT.

+ KITA BERSYUKUR KERANA MAJORITI PARA PEMIMPIN POLITIK DAN DAKWAH MASIH BERTENAGA MEMPERJUANGKAN MASA DEPAN AGAMA, NEGARA DAN RAKYAT, + KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA TIDAK MELUPAKAN PENGORBANAN OLEH PASUKAN KESELAMATAN DAN PASUKAN-PASUKAN LAIN YANG SEDANG BERTUGAS DI PERBATASAN DAN MENGAJAK RAKYAT BERDOA AGAR MEREKA SENTIASA SELAMAT DAN MENGHARGAI PENGORBANAN MEREKA. -- BERNAMA

1459MST 19 06 85